

UOBM "Promosi Faedah Bonus *Lady's Savings Account*" Terma dan Syarat

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Syarikat No. 271809-K) ("UOB Malaysia") menganjurkan "Promosi Faedah Bonus *Lady's Savings Account*" ("Promosi") dari 21 September 2020 hingga 30 April 2021 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh lain yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa ("Tempoh Promosi").

Kemas kini Terma dan Syarat: Klausula berikut telah dikemas kini dan akan menggantikan Terma dan Syarat yang ada, berkuat kuasa dari 1 April 2021 dan seterusnya. Berikut adalah pindaan yang dibuat:

- **Klausula 4 diubah untuk mencerminkan penambahan Bulan Ganjaran**

Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu UOB Malaysia yang baru dan sedia ada ("Pelanggan yang Layak"):
 - a. yang berumur 18 tahun ke atas;
 - b. yang membuka UOB Malaysia *Lady's Savings Account* ("Akaun Penyertaan") semasa Tempoh Promosi
 - c. dimana akaun(-akaun) yang dikekalkan bersama UOB Malaysia adalah terkini, wujud dan tidak ingkar dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh UOB Malaysia;
 - d. yang tidak melanggar Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional).
2. Orang-orang berikut tidak layak menyertai Promosi ini :
 - a. Individu yang tidak siaman atau menjadi tidak siaman, meninggal dunia, jatuh bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam sebarang bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka;
 - b. Akaun Penyertaan dipegang dengan UOB Malaysia ditamatkan atau ditutup dalam Tempoh Promosi; dan
 - c. Mana-mana Akaun Penyertaan (ditentu di bawah) yang dipegang dengan UOB Malaysia yang tertunggak atau dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan yang ditentukan oleh UOB Malaysia.
 - d. Pekerja tetap dan kontrak UOB Malaysia (termasuk anak syarikat UOB Malaysia dan syarikat berkaitan) ("Pekerja")

Kaedah dan Syarat Promosi

3. Pelanggan yang Layak akan menerima 18% p.a. faedah bonus selama 18 hari ("Ganjaran") semasa mereka membuka Akaun Penyertaan dalam Tempoh Promosi.
4. Ganjaran akan dikira berdasarkan baki purata bulanan ("MAB") dalam Akaun Penyertaan bagi Pelanggan yang Layak pada bulan berikutnya selepas Pelanggan yang Layak berjaya membuka Akaun Penyertaan ("Bulan Ganjaran"), seperti yang dijelaskan dalam Jadual A & Jadual B di bawah :

Jadual A- Bulan Ganjaran

Tarikh Pembukaan Akaun Penyertaan	Bulan Penyertaan	Bulan Ganjaran
21 September 2020- 30 September 2020	September 2020	Oktober 2020
1 Oktober 2020- 31 Oktober 2020	Oktober 2020	November 2020
1 November 2020 – 30 November 2020	November 2020	Disember 2020
1 Disember 2020 – 31 Disember 2020	Disember 2020	Januari 2021
1 Januari 2021 – 31 Januari 2021	Januari 2021	Februari 2021
1 Februari 2021 – 28 Februari 2021	Februari 2021	Mac 2021
1 Mac 2021 – 31 Mac 2021	Mac 2021	April 2021
1 April 2021 – 30 April 2021	April 2021	Mei 2021

Jadual B – Pengiraan untuk Ganjaran

Pengiraan	
Baki purata bulanan (“MAB”) dalam Akaun Penyertaan	<u>Jumlah baki setiap akhir hari dalam Akaun Penyertaan bagi Pelanggan yang Layak</u> Bilangan hari dalam Bulan Ganjaran
Ganjaran	<u>MAB x 18% x 18 hari</u> 365 days

Contoh 1: Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausula (3) mempunyai RM10,000 dalam Akaun Penyertaan dan mengekalkan jumlah yang sama sepanjang Bulan Ganjaran, pengiraan faedah untuk Ganjaran adalah seperti di bawah:
 $RM10,000 \times 18\% \times 18 \text{ hari} \div 365 \text{ hari} = RM88.77$

5. Bayaran Ganjaran maksimum untuk Pelanggan yang Layak akan dibatasi pada RM 18,000 MAB pertama dalam Akaun Penyertaan

Contoh 2: Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausula (3) mempunyai RM50,000 dalam Akaun Penyertaan dan mengekalkan jumlah yang sama sepanjang Bulan Ganjaran, pengiraan faedah untuk Ganjaran adalah seperti di bawah::
 $RM18,000 \times 18\% \times 18 \text{ hari} \div 365 \text{ hari} = RM159.78$

6. Ganjaran adalah merangkumi kadar faedah yang berlaku bagi Akaun Penyertaan dan akan dikira sesuai dengan Jadual A dan Jadual B di atas. Kadar faedah yang berlaku untuk Akaun Penyertaan akan diterbitkan di www.uob.com.my.
7. Pelanggan yang Layak akan menerima maksimum satu (1) Ganjaran sepanjang Tempoh Promosi.
8. Jumlah Ganjaran yang diperuntukkan di bawah Promosi ini adalah RM691,989 yang akan diberikan mengikut dasar yang terdahulu, didahulukan dan tertakluk kepada bulan pembukaan Akaun Penyertaan bagi Pelanggan yang Layak, bergantung pada ketersediaan.

9. Ganjaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan bagi Pelanggan yang Layak dalam tempoh enam puluh (60) hari dari akhir setiap Bulan Ganjaran.
10. Sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Polisi Semalaman (“OPR”) dan / atau Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (“KLIBOR”), Ganjaran dan /atau kadar faedah yang berlaku akan diubah dengan kuantum yang sama (“Perubahan”). Dalam keadaan ini, Pelanggan yang Layak akan diberitahu mengenai Perubahan melalui penerbitan / pemberitahuan yang diposkan di laman web UOB Malaysia, pemberitahuan yang memaparkan atau memberitahu Perubahan tersebut di mana-mana cawangan UOB Malaysia atau cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
11. Sekiranya Akaun Penyertaan ditangguhkan, dibekukan atau ditutup dalam Tempoh Promosi dengan alasan apa pun sebelum pengkreditan Ganjaran ke dalam Akaun Penyertaan, UOB Malaysia berhak untuk membatalkan Ganjaran tersebut.
12. Pada masa Ganjaran dikreditkan ke Akaun Peserta Pelanggan yang Layak, akaun tersebut mestilah terkini, sah dan wujud sebagaimana yang ditentukan oleh UOB Malaysia dan tidak melanggar Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional).
13. Untuk tujuan Promosi ini, semua deposit mesti dilakukan dengan Dana Baru. ‘Dana Baru’ bermaksud wang atau dana dalam Ringgit Malaysia yang dipindahkan, dikreditkan, atau dibayar ke dalam Akaun Penyertaan bagi Pelanggan yang Layak dari bank dan / atau institusi kewangan lain melalui apa jua cara termasuk tetapi tidak terhad kepada wang tunai, pindahan Inter Bank Giro, pemindahan segera antara bank serta pengutipan dan pembayaran cek yang dikeluarkan daripada bank lain dan di mana wang atau dana yang dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan yang Layak digunakan oleh Pelanggan yang Layak untuk melakukan penempatan mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini dalam tujuh (7) Hari Perniagaan setelah wang atau dana tersebut telah dibayar atau dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan bagi Pelanggan yang Layak yang berkaitan. Istilah "Hari Perniagaan" bermaksud hari di mana UOB Malaysia dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.
14. Dana yang dipindahkan dari akaun Simpanan / Semasa / Tetap / Mata Wang Asing UOB Malaysia yang sedia ada atau dalam bentuk cek UOB Malaysia, pesanan atau draf permintaan juruwang tidak akan dianggap sebagai Dana Baru.

Terma dan Syarat Am

15. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional) (secara kolektif “T&C Am”) termasuk sebarang pindaan atau perubahan terhadapnya dan keputusan UOB Malaysia yang berkaitan dengan Promosi adalah akhir, muktamad dan mengikat Pelanggan yang Layak. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan T&C Am, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
16. Promosi ini tidak sah bersama dengan tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh UOB Malaysia dan tidak ada kadar istimewa, tambahankeutamaan dan / atau hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Promosi ini.

17. Rekod transaksi deposit yang dikekalkan oleh UOB Malaysia and keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. UOB Malaysia tidak berkewajiban untuk memberikan alasan atau melayan surat-menyurat dengan sebarang orang atau mana-mana pihak mengenai perkara yang berkaitan dengan Promosi ini.
18. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Promosi ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia yang berkaitan dengan Promosi ini.
19. Semua deposit dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit. Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan salinan brosur PIDM dari mana-mana cawangan UOB Malaysia UOB Malaysia adalah ahli PIDM.
20. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia, UOB Malaysia secara tegas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa batasan kepada yang diterbitkan di mana-mana media massa, pemasaran atau bahan iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi ini.
21. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dilantik berkenaan dengan Promosi yang ditawarkan dan di mana yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
22. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Promosi ini, Terma dan Syarat ini akan digunakan.
23. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum tarikh akhir Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Promosi ini oleh UOB Malaysia tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan sedemikian, melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaiian kasar UOB Malaysia atau salah laku yang sengaja berkaitan dengan Promosi ini.

24. UOB Malaysia berhak untuk menambah, membatalkan, menamatkan atau mengubah the terma dan syarat Promosi dari semasa ke semasa (termasuk Ganjaran), sepenuhnya atau sebahagian dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui pengeposan di laman web UOB Malaysia, mempamerkan notis di mana-mana cawangan UOB dan / atau mempamerkan di dalam Penyata Akaun atau cara lain seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.

25. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**" Daftar Dalam Talian dan Dapatkan Baucar e-Tunai RM 30" UOBM
Terma dan Syarat**

Terma dan Syarat " Kempen Pembukaan Akaun Dalam Talian 2021" UOB Malaysia

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Syarikat No. 271809-K) ("UOB Malaysia") menganjurkan " Kempen Pembukaan Akaun Dalam Talian 2021" ("Kempen") dari 1 Januari 2021 hingga 30 April 2021 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh lain yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa ("Tempoh Kempen").

Kemaskini Terma dan Syarat: Klausula berikut telah dikemaskini dan akan menggantikan Terma dan Syarat yang ada, berkuatkuasa dari 1 April 2021 dan seterusnya. Berikut adalah pindaan yang dibuat:

- **Klausula 5 diubah untuk mencerminkan penambahan Bulan Ganjaran**

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu UOB Malaysia yang baru atau pelanggan tanpa sebarang akaun Deposit utama selama 12 bulan yang lalu ("Pelanggan yang Layak"):
2. Orang-orang berikut tidak layak menyertai Kempen ini :
 - 2.1 Individu yang tidak siaman atau menjadi tidak siaman, meninggal dunia, jatuh bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam sebarang bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka;
 - 2.2 Akaun yang Layak dipegang dengan UOB Malaysia ditamatkan atau ditutup dalam Tempoh Kempen; dan
 - 2.3 Mana-mana Akaun yang Layak (ditentu di bawah) yang dipegang dengan UOB Malaysia yang tertunggak atau dikendalikan dengan cara yang tidak memuaskan yang ditentukan oleh UOB Malaysia.

Kaedah dan Syarat Kempen

3. Pelanggan yang Layak dikehendaki membuka *ONE Account, Stash Account, ProSave Account* atau *Lady's Savings Account* melalui borang dalam talian di laman web korporat UOB Malaysia di <https://forms.uob.com.my/personal/save/savings/apply.html> dalam Tempoh Kempen ("Akaun yang Layak").
4. Pelanggan yang Layak yang membuka *Lady's Savings Account* melalui Perbankan Internet Peribadi ("PIB") dalam Tempoh Kempen juga akan dianggap sebagai Akaun yang Layak.
5. Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak hendaklah deposit dan megekalkan Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000) ("Jumlah Deposit Minimum") dalam Akaun yang Layak akan layak mendapat Tiga Puluh Lima Ringgit Malaysia (RM30) Baucar Lazada e-Tunai ("Baucar e-Tunai"). Untuk mengelakkan keraguan, UOB Malaysia akan menggunakan baki purata bulanan (MAB) bulan berikut ("Bulan Ganjaran") selepas Akaun yang Layak dibuka untuk pengiraan.

Tarikh Pembukaan Akaun yang Layak	Bulan Penyertaan	Bulan Ganjaran
1 Januari 2021 hingga 31 Januari 2021	Januari 2021	Februari 2021
1 Februari 2021 hingga 28 Februari 2021	Februari 2021	Mac 2021
1 Mac 2021 hingga 31 Mac 2021	Mac 2021	April 2021

1 April 2021 hingga 30 April 2021	April 2021	Mei 2021
-----------------------------------	------------	----------

Pengiraan MAB digambarkan di bawah:

Jumlah baki setiap akhir hari dalam Akaun Pelanggan yang Layak
Bilangan hari dalam Bulan Ganjaran

6. Jumlah Baucar e-Tunai yang diperuntukkan di bawah Kempen ini adalah Dua Puluh Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM21,000) yang akan diberikan mengikut dasar yang terdahulu, didahulukan dan tertakluk kepada bulan pembukaan Akaun Pelanggan yang Layak, bergantung pada ketersediaan.
7. Jumlah Deposit mesti dilakukan dengan Dana Baru sahaja. 'Dana Baru' bermakna wang atau dana dalam Ringgit Malaysia yang dipindah, dikreditkan, atau dibayar daripada bank dan/atau institusi kewangan lain ke dalam Akaun Pelanggan yang Layak melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada tunai, pemindahan Giro Antara Bank, pemindahan segera antara bank serta pengutipan dan pembayaran cek yang dikeluarkan daripada bank lain dan di mana wang atau dana yang dibayar atau dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan yang Layak digunakan oleh Pelanggan yang Layak untuk melakukan penempatan mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini. Dana yang dipindahkan daripada mana-mana akaun simpanan/semasa/deposit tetap/Mata Wang Asing UOB Malaysia yang sedia ada atau dalam bentuk cek, arahan juruwang atau draf permintaan UOB Malaysia yang bukan merupakan Dana Baru dan tidak akan layak untuk Kempen ini.
8. Kempen ini tidak sah bersama dengan tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh UOB Malaysia dan tidak ada harga istimewa, tambahan, harga istimewa dan / atau hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Kempen ini. Oleh itu, sebarang jumlah deposit yang diperuntukkan untuk Kempen lain tidak akan dianggap sebagai sebahagian daripada Jumlah Deposit Minimum.

Terma dan Syarat untuk Baucar e-Tunai

9. Baucar e-Tunai dihadkan satu (1) unit baucar (bernilai Tiga Puluh Ringgit Malaysia (RM 30)) bagi setiap Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen.
10. Baucar e-Tunai yang diperuntukkan untuk diberikan sepanjang Tempoh Kempen ialah Dua Puluh Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM 21,000). UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab memaklumkan Pelanggan yang Layak apabila Baucar e-Tunai mencapai jumlah pembayaran yang diperuntukkan.
11. Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi terma dan syarat di atas akan menerima kod kupon melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") dari UOB Malaysia dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh tamat Tempoh Kempen. Pelanggan yang Layak diperlukan untuk menebus kod baucar di aplikasi mudah alih Lazada sebelum tarikh luput yang dinyatakan dalam SMS yang diterima.
12. Dalam keadaan pemegang akaun bersama, Baucar e-Tunai akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja.

Terma dan Syarat Am

26. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional) dan Terma dan Syarat Yang Mentadbir Akaun Islamik (Islamik Banking) (secara kolektif "Generik T&C") termasuk sebarang pindaan atau perubahan terhadapnya dan keputusan UOB Malaysia yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat Pelanggan yang Layak. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan Generik T&C, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
27. Kempen ini tidak sah bersama dengan tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh UOB Malaysia dan tidak ada kadar istimewa, tambahan keutamaan dan / atau hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Kempen ini.
28. Rekod transaksi deposit yang dikekalkan oleh UOB Malaysia and keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. UOB Malaysia tidak berkewajiban untuk memberikan alasan atau melayan surat-menyurat dengan sebarang orang atau mana-mana pihak mengenai perkara yang berkaitan dengan Kempen ini.
29. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia yang berkaitan dengan Kempen ini.
30. Semua deposit dalam Akaun Pelanggan yang Layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit. Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan salinan brosur PIDM dari mana-mana cawangan UOB Malaysia UOB Malaysia adalah ahli PIDM.
31. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia, UOB Malaysia secara tegas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa batasan kepada yang diterbitkan di mana-mana media massa, pemasaran atau bahan iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini.
32. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dilantik berkenaan dengan Kempen yang ditawarkan dan di mana yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
33. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan digunapakai.

34. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tarikh akhir Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen ini oleh UOB Malaysia tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan sedemikian, melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaiian kasar UOB Malaysia atau salah laku yang sengaja berkaitan dengan Kempen ini.
35. UOB Malaysia berhak untuk menambah, mebatalkan, menamatkan atau mengubah the terma dan syarat Kempen dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagian dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui pengeposan di laman web UOB Malaysia, mempamerkan notis di mana-mana cawangan UOB dan / atau mempamerkan di dalam Penyata Akaun atau cara lain seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
36. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.